

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Pembantu stor disabit keldai akaun didenda RM 1,000
Date : 7 February 2024
Section : Tempatan
Page : 6



PEMERIKSAAN: Antara PATI yang ditahan dalam operasi yang dijalankan di sekitar bandar Bintulu baru-baru ini.

Pembantu stor disabit keldai akaun didenda RM1,000

MIRI: Seorang pembantu stor didenda RM1,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Randu Rangesetelah Akken Laspina Napi, 27, dari Bau, Kuching, mengaku bersalah atas dua tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga tiga bulan atau denda maksimum RM500 jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapinya.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati memiliki wang masing-masing berjumlah RM1,500 dan RM10,000 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu masing-masing pada jam 4.34 petang,

30 November 2023 dan jam 10.29 pagi, 1 November 2023 di sebuah bank di Pusat Komersial Boulevard di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang bekerja sebagai pembantu stor di sebuah syarikat swasta di Kuching merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.